**KISAH KEJAYAAN**

# KEUSAHAWANAN

**Maklumat Individu/ Organisasi**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama** | *Nurul Natasya Binti Mohd Jais* | **Umur** | *18 tahun* |
| **Email** | *Nurulnatasya296@gmail.com* | **No. Telefon** | *013-9324698* |
| **Alamat** | *No.327 Felda tementi, 28200 bera, pahang* | **Tahun menjadi Ahli PI1M** | *13/7/2016* |

**Kisah kejayaan**

**Latar belakang**

Nurul Natasya merupakan seorang lepasan pelajar SPM yang telah mengikuti kursus komputer selama dua bulan di Pi1m Bandar 32. Beliau seorang peniaga kecil yang memulakan perniagaan popia simbul pada usia yang sangat muda. Pemasaran kuih simpul adalah di sekitar Bera. Nurul Natasya sangat berminat untuk menceburi bidang perniagaan dengan cara menjadi agen kepada produk IV Beauty. Dengan cara ini, sedikit sebanyak dapat membantu beliau untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan. Beliau juga sangat berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perniagaan.

**Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**

Sebelum penglibatan Pi1m, beliau hanya selalu menggunakan Microsoft office Powerpoint dan Excel bagi tujuan kerja kursus tetapi tidak secara menyeluruh. Mereka akan menggunakannya apabila perlu sahaja. Internet juga digunakan untuk mencari maklumat dan menyiapkan kerja sekolah. Sepanjang beliau menunggu keputusan peperiksaan SPM untuk melanjutkan pelajaran, beliau telah menjalankan perniagaan poipia simpul dan menjadi agen bagi produk IV Beauty. Pendapatan beliau dalam mengusahakan popia simpul dan sebagai agen IV Beauty sekitar RM300 sebulan

**Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**

Selepas Nurul Natasya menyertai kursus komputer selama dua bulan di Pi1m Bandar 32, terdapat sedikit peningkatan dari segi kemahiran beliau menggunakan komputer. Beliau lebih cekap menggunakan Microsoft Word dan Powerpoint. Beliau sudah mampu menghasilkan kad perniagaan sendiri menggunakan Microsoft Word. Selain itu, beliau juga sudah boleh membuat belanjawan menggunakan Microsoft Excel dan juga sudah boleh menggunakan fotoshop dan blog. Semasa Program Jelajah Dashbord Pi1m Kluster Bera di Pi1m Bandar 32, beliau turut mengambil kesempatan untuk menyertai program My Shop. Melalui Program ini, beliau terdedah kepada penggunaan aplikasi dashboard (MyShop). Jika sebelum ini beliau tidak tahu tentang kewujudan aplikasi ini, tetapi kini beliau boleh mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui Aplikasi MyShop. Aplikasi ini mendedahkan dan memperkenalkan kepada semua pengguna dashboard tentang produk dan perkhidmatan yang disediakan beliau. Beliau telah mempromosikan produk IV Beauty melalui aplikasi dashboard MyShop. Nurul Natasya turut diajar cara untuk menangkap gambar menggunakan mini studio bagi menghasilkan gambar yang lebih canttik dan mampu menarik minat para pelanggan.







Antara gambar adik Nurul Natasya yang menghadiri kelas asas komputer di Pi1m, dan media sosial Facebook yang digunakan oleh beliau untuk mempromosikan produk jualan beliau.